



## **SURUHANJAYA PILIHAN RAYA MALAYSIA**

### **KENYATAAN MEDIA**

**BIL. 51 / 2022**

#### **PROSES MENGUNDI AWAL BAGI PILIHAN RAYA UMUM KE-15 (PRU KE-15) BAHAGIAN PILIHAN RAYA PARLIMEN P.017 PADANG SERAI DAN DEWAN NEGERI N.42 TIOMAN, PAHANG**

1. Hari ini telah berlangsung proses mengundi awal bagi PRU Ke-15 Bahagian Pilihan Raya Parlimen P.017 Padang Serai yang bermula pada jam 8.00 pagi di **Dewan Serbaguna, Ibu Pejabat Polis Daerah Kulim**. Sejumlah **93.42%** atau **71** orang pengundi yang terdiri daripada anggota polis telah melaksanakan tanggungjawab mereka sebagai pengundi awal.
2. Manakala, bagi Bahagian Pilihan Raya Dewan Negeri N.42 Tioman, Pahang pula, sejumlah **95.88%** atau **233 orang anggota polis** telah mengundi awal di **Bilik Rehat Ibu Pejabat Polis Daerah Rompin** dan di **Bilik Maklumat Balai Polis Tekek Pulau Tioman**.

3. SPR merakamkan ucapan tahniah dan syabas kepada semua Pegawai Pengurus Pilihan Raya dan pasukan kerana telah menjalankan tanggungjawab dengan amat baik pada hari ini.
  
4. Penghargaan dan terima kasih juga diucapkan kepada pihak Polis Diraja Malaysia, Kementerian Kesihatan Malaysia, Majlis Keselamatan Negara, Pihak Berkuasa Tempatan, Jabatan Penerangan Malaysia, media dan semua pihak yang terlibat secara langsung dan tidak langsung atas segala kerjasama dan sokongan yang telah diberikan kepada SPR.

Sekian.

**DATO' INDERA IKMALRUDIN ISHAK**  
Setiausaha  
Suruhanjaya Pilihan Raya Malaysia  
3 Disember 2022 / 8 Jamadilawal 1444H